

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2009/2010

April/Mei 2010

**YBP 224 – Perhubungan Awam**

Masa: 2 jam

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak.

Jawab **DUA (2)** soalan.

Setiap soalan bernilai 100 markah.

- 2 -

1. Jawab **LIMA (5)** dari soalan-soalan berikut:
  - (a) Bezakan antara elemen “hal ehwal awam” dan “pembangunan” dalam perhubungan awam.
  - (b) Jelaskan model-model perhubungan awam yang dikemukakan oleh Grunig dan Hunt (1984) dan model manakah yang paling lazim diaplikasikan dalam organisasi. Sokong jawapan anda dengan contoh yang sesuai.
  - (c) Jelaskan kegunaan penerbitan dalaman dan berikan jenis penerbitan dalaman yang lazim diterbitkan mengikut kegunaan tersebut.
  - (d) Jelaskan kategori-kategori penyelidikan dalam perhubungan awam dan kaitkan dengan pendapat publik.
  - (e) Bincangkan kenapa sesebuah organisasi itu menggunakan khidmat agensi perhubungan awam untuk merancang dan melaksanakan program perhubungan awam daripada menggunakan perhubungan awam dalamannya.
  - (f) Terangkan alat-alat komunikasi dan perhubungan awam yang digunakan pengamal perhubungan awam untuk mengumumkan kepada publik sasaran dan mendapatkan liputan media apabila menganjurkan sesuatu majlis.
  - (g) Bincangkan beberapa aktiviti-aktiviti perhubungan awam korporat yang membantu pemasaran sesuatu produk atau perkhidmatan.

2. Pelanggan anda sebuah syarikat pengeluar produk pengguna telah memilih agensi perhubungan awam anda untuk menjalankan program perhubungan awamnya berdasarkan kertas cadangan anda yang sangat meyakinkan. Walau bagaimanapun pelanggan tersebut telah mencadangkan supaya komponen penyelidikan dalam kertas cadangan anda itu digugurkan kerana ia akan menjimatkan kos dan masa.
  - (a) Apakah hujah anda untuk mempertahankan dan meyakinkan pelanggan tentang keperluan dan kepentingan penyelidikan dalam perhubungan awam.
  - (b) Dengan menggunakan contoh-contoh yang relevan bincangkan soalan-soalan yang perlu dijawab oleh penyelidik sebelum program perhubungan awam dilaksanakan.
  
3. Anda adalah pengamal perhubungan awam di sebuah syarikat pengeluar produk dan perunding produk penjagaan kecantikan dan pelangsingan yang baru mendapat tempat di hati pengguna. Syarikat ini juga terlibat dengan kaedah jualan langsung melalui stokis. Publisiti mengenai syarikat ini amat kurang dalam media tempatan terutamanya media elektronik. Syarikat ini akan memperkenalkan produk baru untuk pelangsingan. Anda perlu merancang beberapa perkara sempena pelancaran dan juga membina publisiti untuk syarikat ini.
  - (a) Jelaskan kegiatan yang anda akan lakukan untuk memastikan liputan yang meluas oleh pihak media terutamanya media elektronik.
  - (b) Terangkan aktiviti-aktiviti perhubungan awam yang dapat membantu bahagian pemasaran syarikat ini dalam mempromosikan syarikat serta produk-produk yang dihasilkannya.
  - (c) Sediakan siaran media mengenai majlis pelancaran produk baru syarikat ini.